

Tiga tercampak, seorang tersepit

Dua lelaki maut, sembilan cedera dalam nahas dua kenderaan



Oleh **Essa Abu Yamin**
am@hmetro.com.my

Pagoh

Dua lelaki maut manakala sembilan mangsa terselamat dalam kemalangan memabitkan dua kenderaan di Kilometer 144.8 berdekatan kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Pagoh arah utara, dekat sini, kelmarin.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pagoh Penolong Penguasa Bomba Mohd Fadli Ismail berkata, kejadian jam 11.02 malam itu memabitkan Toyota Wish dan Honda.

Keseluruhan mangsa terbabit seramai 11 orang.

"Terdapat tiga mangsa tercampak keluar dari kenderaan sejauh 20 meter dan 50 meter serta seorang mangsa tersepit di bawah kenderaan.

"Dua mangsa disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian oleh pegawai kesihatan," katanya dalam sa-

tu kenyataan.

Katanya, pihak bomba mengeluarkan mangsa tersepit di bawah kenderaan.

"Kedua-dua mangsa yang meninggal dunia diserahkan kepada polis manakala mangsa yang cedera dibawa ke hospital oleh ambulans.

"Operasi menyelamatkan mangsa ditamatkan jam 12.52 pagi," katanya.

Katanya, lapan anggota bomba dan satu jentera LFRT dari BBP Pagoh dihantar ke tempat kejadian.



KENDERAAN mangsa remuk teruk selepas terbabit nahas di Kilometer 144.8 berdekatan kawasan R&R Pagoh.



DUA mangsa disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian.